

# UMS makin unggul dalam sektor pendidikan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuktikan bahawa pencapaian demi pencapaian yang dicapai melayakkannya menjadi institusi pengajian awam (IPTA) terunggul di negara ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Abdul Hamid Egoh, berkata pendidikan terbaik ketika ini melibatkan sudut dimensi antarabangsa yang perlu disokong dengan jalinan kerjasama yang lebih luas.

“Kerjasama antarabangsa dan keupayaan untuk bekerja dan ‘menyerap’ bakat serta pengalaman dari luar penting untuk menyokong kejayaan terutamanya dalam bidang inovasi dan penyelidikan,” katanya.

Jelas beliau, sehingga kini, UMS telah menerima geran penyelidikan berjumlah RM2.5 juta untuk 57 projek daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta beberapa geran dari luar untuk menggalakkan inovasi dan penyelidikan dalam kalangan penyelidik dari universiti itu.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam sempena Konvokesyen UMS ke-12, di sini, Jumaat.

Tahun ini, seramai 4,615 graduan melibatkan 13 buah sekolah berjaya memenuhi semua syarat dan layak menerima ijazah masing-masing

Daripada jumlah itu, 4,229 adalah ijazah sarjana muda, ijazah sarjana (239), Doktor Falsafah (11) dan Diploma Lepasan Ijazah (135).

“UMS terbukti sebagai sebuah institusi terunggul apabila bekas

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Prof.Dr Ahmat Adam dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus.

“Dalam bidang sains dan teknologi, UMS turut memberi sumbangan kepada masyarakat melalui pelbagai inovasi dan ciptaan kreatif yang dihasilkan oleh para pensyarah dan pelajar institusi ini,” katanya.

Tambah beliau, Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Prof Dr Saleem Mustafa disenaraikan sebagai ‘Leading Scienstist of the World 2010’ manakala bekas penuntut UMS, Dr. Kevin Ng pula mendapat pengiktirafan ‘Japan International Award 2010 for Young Agricultural Researcher’.

Pada Mac lalu juga, pasukan UMS, Linking Park memenangi tempat ketiga Kategori Idea Perniagaan

dalam Anugerah Usahawan Techno Inovatif sempena Pertandingan Pelan Perniagaan MSC-IPT.

“UMS juga mewujudkan Muzium Perubatan bernilai RM2juta sebagai sokongan kepada proses pembelajaran, pengajaran dan kajian dalam bidang ini,” katanya.

Abdul Hamid berkata, UMS turut melaksanakan program Jom Masuk UMS bertujuan menarik minat pelajar luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Tun Datuk Seri Panglima Ahmadshah Abdullah selaku Canselor UMS dan isteri, Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Dayang Masuyah Awang Japar merupakan tetamu kehormat dan perasmian majlis berkenaan.

TuruthadirMenteriPelancongan,



**GRADUAN ... Glenda Wong See Sing, anak kepada Pengurus Pemasaran See Hua Marketing Sabah Sdn. Bhd, Wong Pak Ing, bergambar bersama anggota keluarga selepas majlis Konvokesyen UMS, kelmarin.**

Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun yang mewakili Ketua Menteri; Pro-Canselor UMS, Tan Sri Dr. Yeoh Kamaruzaman Ampon dan isteri, Datin Seri Panglima Dr Ann Anton.

Rakyat, Datuk Juhari Mahiruddin dan Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon dan isteri, Datin Seri Panglima Dr Ann Anton.